

Soalan No: 46**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN GOOI HSIAO LEUNG [ALOR SETAR]

TARIKH : 7.8.2017

SOALAN :

Tuan Gooi Hsiao Leung [Alor Setar] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada beliau sendiri akan menangani isu mengiktiraf Unified Examination Certificate (UEC) selepas arahannya kepada menteri-menteri MCA pada 23.7.2016 untuk berjumpa dengannya dan meyakinkan Kementerian Pendidikan untuk mengiktiraf UEC gagal menghasilkan sebarang keputusan positif.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Isu berhubung pengiktirafan *Unified Examination Certificate (UEC)* telah dijawab berulang kali oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) di dalam dewan yang mulia ini. Kedudukan UEC masih kekal *status quo*nya seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Pelajaran 1961 serta peruntukan di bawah seksyen 151 Akta Pendidikan 1996 [Akta 550].

RJM84